



↳ Pendudukan efektif berlaku pada 1980-an selepas Malaysia mengeluarkan peta 1979 menyatakan Pulau Batu Puteh, termasuk dalam perairan Malaysia”

↳ Pengiktirafan Britain bahawa perairan di sekitar Pedra Branca sebagai milik Johor dan mereka tidak anggap perairan sekeliling Pedra Branca milik Singapura”

↳ Tindakan Singapura dalam 1980-an dengan melakukan pembinaan di pulau itu tidak boleh diterima sebagai pendudukan efektif kerana membina sesuatu dalam wilayah Malaysia”

Hujah rebut Pedra Branca

Langkah Malaysia pada 2 Februari lalu untuk menyemak semula keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 23 Mei 2008 adalah wajar selepas ICJ dengan majoriti 12:4 memutuskan Pulau Batu Puteh (Pedra Branca) adalah milik Singapura, Batuan Tengah (Middle Rock) milik Malaysia dan Tubir Selatan (South Ledge) akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.

Dalam hal ini, kita perlu faham apakah sebab utama Singapura yang membawa kepada republik itu mendapat penguasaan ke atas Pulau Batu Puteh. Adakah benar-benar kukuh tiga bukti baharu dari arkib Britain itu, iaitu surat menyurat dalaman pihak berkuasa tanah jajahan Singapura 1958, laporan satu kejadian difaikkan seorang pegawai tentera laut Britain pada 1958 dan sebuah peta bertarikh 1962, tetapi dengan catatan dari 1966 menggambarkan perairan Singapura tidak sampai ke perairan Pedra Branca.

Tiga bukti baharu diperoleh Malaysia tidak boleh berdiri sendiri tanpa menghubungkannya dengan perkembangan selepas 1979. Kemenangan Singapura pada Mei 2008 ada hubungan dan juga bersandarkan surat pemangku Setiausaha Kerajaan Johor bertarikh 21 September 1953 dan pendudukan efektif Singapura di Pedra Branca.

Adakah surat pemangku Setia-

usaha Kerajaan itu mampu menentukan keputusan dan sempadan wilayah jajahan Kesultanan Johor? Siapa yang benar-benar berkuasa, pemangku Setiausaha, Menteri Besar atau Sultan Johor? Memang ‘pendudukan efektif’ penting dan menyokong pengadilan berpihak kepada Singapura.

Adakah benar pendudukan berlaku dengan sepatusnya atau ada penjelasan atau lompong kabur terhadap hakim perlu dijelaskan sekali lagi oleh Malaysia di ICJ?

Pendudukan efektif

Pendudukan efektif berlaku dengan aktif selepas 1979, iaitu pada 1980-an selepas Malaysia mengeluarkan peta 1979 menyatakan Pulau Batu Puteh, termasuk dalam perairan Malaysia. Secara logik undang-undang adalah wajar kerana ia terletak dalam lingkungan 12 batu nautika dari gigi pantai Johor. Ini adalah undang-undang laut antarabangsa yang diterima Singapura dan Malaysia.

Adakah Pulau Batu Puteh terletak dalam lingkungan 12 batu nautika dari jarak terdekat gigi pantai Singapura? Jawapan jelasnya tidak. Jadi, kenapa konsep 12 batu nautika ini tidak didebatkan dan jadi hujah kukuh tuntutan Malaysia terhadap pulau itu?

Pendudukan efektif perlu didebatkan semula dengan lebih teliti dalam penghakiman dan semakan semula 2017. Malaysia sedar Singapura melakukan pembinaan dan kegiatan baharu di Pulau Ba-

tu Puteh. Pembinaan besar dan jelas dalam 1980-an adalah pembinaan menara telekomunikasi dan pembinaan pelantar pendaratan helikopter. Kita bantah tetapi tidak diendahkan Singapura.

Surat bantahan ini perlu diberi penekanan dalam hujah di ICJ. Tentera laut Singapura mengawal perairan Pulau Batu Puteh itu dengan lebih ketat sepanjang 1980-an. Nelayan Malaysia (Johor) tidak lagi dapat menggunakan Pulau Batu Puteh sebagai tempat berteruh. Perkara ini perlu diberi penekanan dalam proses penghakiman. Malaysia tidak sekali-kali membiarkan pulau itu begitu sahaja tanpa penggunaan berkesan seperti didakwa Singapura dan diterima dalam penghakiman 2008.

Persinggahan dan tempat perlindungan oleh nelayan Johor adalah antara bentuk pendudukan efektif yang sepatusnya boleh diterima sesuai dengan struktur geografi dan lokasi Pulau Batu Puteh. Sepatusnya kawalan tentera laut Singapura ke atas pulau itu dan pembinaan menara telekomunikasi dan pusat pendaratan helikopter perlu ditekankan.

Sebarang pembinaan dalam tempoh selepas 1979 tidak boleh dijadikan hujah menyokong hujah pendudukan efektif. Ia tidak hanya boleh dilihat dari aspek fizikal tetapi juga dalam aspek kegiatan dan perkhidmatan seperti pusat persinggahan dan perlindungan nelayan Johor yang melakukannya kegiatan menangkap ikan di sekitar perairan pulau itu. Kawalan tentera laut Singapura ke atas perairan di sekitar pulau itu yang menghalang aktiviti biasa nelayan Johor perlu ditekankan dalam hujah mahkamah.

Tiga bukti baharu, iaitu surat menyurat pihak berkuasa Singapura pada 1958 kepada setiausaha negara bagi tanah jajahan yang tidak menganggap Pedra Branca sebagai sebahagian Singapura; satu insiden difaikkan pada 1958 oleh seorang pegawai tentera laut Britain yang merujuk kepada ketidakupayaan tentera laut Britain membantu sebuah kapal Persekutuan Tanah Melayu yang diekori bot pembedil Indonesia berdeka-

tan Pedra Branca kerana ia masih berada dalam perairan Johor.

Ini menggambarkan pengiktirafan Britain bahawa perairan di sekitar Pedra Branca sebagai milik Johor dan mereka tidak anggap perairan sekeliling Pedra Branca milik Singapura dan dokumen bukti baharu ketiga peta bertarikh 1962 tetapi dengan catatan dari 1966 menggambarkan perairan Singapura tidak sampai ke perairan Pedra Branca.

Sokong peta 1979

Tiga bukti ini akan menyokong peta 1979 itu mempunyai hubungan dan asas kukuh. Tindakan Singapura dalam 1980-an dengan melakukan pembinaan di pulau itu tidak boleh diterima sebagai pendudukan efektif kerana membina sesuatu dalam wilayah Malaysia. Pembinaan selain rumah api sahaja yang dibolehkan mengikut perjanjian asal.

Tentangan pihak Malaysia ke atas pembinaan oleh Singapura perlu dijadikan hujah besar yang boleh beri hak kepada Malaysia dan tidak boleh sekali-kali sebagai hujah menyokong Singapura dengan alasan Malaysia tidak berbuat apa-apa ke atas Pulau Batu Puteh. Pulau itu dibenarkan Malaysia sebagai pengurusan rumah api dan bukan beri hak kepada Singapura.

Semakan semula tidak boleh hanya berdasarkan sejarah semata-mata, tetapi perlu buktikan kegiatan dan pembinaan Singapura dalam 1980-an dan 1990-an ke atas Pulau Batu Puteh adalah tidak sah. Apa yang dilakukan oleh Singapura selepas 1979 tidak boleh dijadikan hujah yang membawa penghakiman memihak kepada Singapura. Pembinaan itu perlu ada justifikasi undang-undang; adakah ia sah atau tidak?

→ Tindakan memalsukan PhD adalah satu jenayah besar yang perlu dibendung kerana ia membawa banyak implikasi kepada falsafah ilmu dan nilai dalam sesebuah masyarakat dan negara. Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkongsi tujuh faktor kenapa PhD palsu perlu dibendung dan dikekang, esok.